

BAB EMPAT

ANALISIS DATA PENGARUH KURSUS PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP CARA HIDUP PELAJAR

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dan menganalisis data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan temubual serta mengemukakan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian. Perbincangan dapatan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama akan membincang dan menjelaskan tentang ciri-ciri demografi responden. Bahagian kedua menjelaskan tentang pemahaman asas responden dalam pendidikan Islam. Bahagian ketiga akan menerangkan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar di Politeknik Kota Melaka. Manakala bahagian keempat adalah kesimpulan daripada dapatan kajian.

Terdapat lima aspek berhubung dengan pengaruh kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar yang dikemukakan dalam kajian ini. Aspek-aspek tersebut ialah pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap amalan beribadah, pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara berpakaian, pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan ibu bapa, pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan pensyarah dan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan rakan-rakan.

Dapatan kajian diperolehi melalui satu set kertas soal selidik yang diedarkan kepada responden terlibat. Selain itu, sesi temubual juga diadakan antara penulis dengan beberapa

orang pensyarah yang mengajar di jabatan ini. Antara mereka yang terlibat ialah Ustazah Zuharyati Bt Yusof, Ustaz Mohd Nazim Bin Zakaria dan Ustaz Tuan Mohd Azhar Bin Tuan Ngah. Temubual turut dilakukan terhadap beberapa orang responden yang tidak terlibat dalam menjawab soalan kaji selidik. Jumlah responden di kalangan pelajar yang terlibat dalam temubual ini adalah seramai 28 orang yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Mereka dipilih secara rawak daripada setiap jabatan bagi mewakili pendapat sebahagian pelajar yang telah mengikuti Kursus Pendidikan Islam di politeknik.

Penulis telah menemubual responden terbabit bagi meninjau pendapat mereka mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar dalam aspek ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan. Penulis juga ingin meninjau pendapat responden adakah cara hidup itu sudahpun terbentuk sebelum memasuki politeknik ataupun selepas mengikuti kursus ini. Penulis turut ingin mendapatkan pandangan daripada para pelajar sendiri sekiranya ada sebarang penambahbaikan sepanjang mereka mengikuti kursus ini.

Selain daripada itu, penulis juga telah melakukan pemerhatian di politeknik bagi melihat sendiri tingkah laku dan cara hidup mereka ketika berada di politeknik. Dapatan ini penulis rekodkan untuk diulas bersama-sama dengan dapatan kertas soal selidik dan temubual.

4.2 Ciri-ciri Demografi Responden

Empat item berkenaan demografi responden telah dikemukakan untuk kajian ini. Item-item ini diletakkan pada Bahagian A. Item-Item yang terlibat adalah jantina, jabatan pengajian, semester pengajian semasa dan keputusan peperiksaan Kursus Pendidikan Islam pada semester pertama.

4.2.1 Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina

Data mengenai latar belakang responden diperolehi berdasarkan soal selidik yang diedarkan pada akhir pembelajaran dalam kelas. Jadual 4.1 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jantina. Responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 113 orang (42.6%) daripada jumlah keseluruhan responden manakala selebihnya adalah responden perempuan iaitu 152 orang (57.4%).

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	113	42.6
Perempuan	152	57.4
Jumlah	265	100.0

4.2.2 Analisis Taburan Responden Mengikut Jabatan

Kajian ini melibatkan para pelajar daripada jabatan-jabatan akademik yang terdapat di Politeknik Kota Melaka iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan. Responden yang

paling ramai dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan iaitu seramai 29.4% dan diikuti dengan Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu seramai 28.3%, seterusnya ialah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu seramai 22.3% dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik iaitu sebanyak 20.0%. Jadual 4.2 memaparkan jumlah kekerapan responden mengikut jabatan.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jabatan

Jabatan	Kekerapan	Peratus (%)
Jabatan Kejuruteraan Awam	75	28.3
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	53	20.0
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	59	22.3
Jabatan Perdagangan	78	29.4
Jumlah	265	100.0

4.2.3 Analisis Taburan Responden Mengikut Semester

Responden di dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester kedua, semester ketiga, semester keempat dan semester kelima. Jadual 4.3 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut semester pengajian sewaktu kajian ini dilaksanakan.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian

Semester Pengajian	Kekerapan	Peratus (%)
Semester Kedua	113	42.6
Semester Ketiga	23	8.7
Semester Keempat	115	43.4
Semester Kelima	14	5.3
Jumlah	265	100.0

Responden daripada semester kedua dan keempat mendominasi kajian yang dijalankan ini dengan masing-masing mewakili seramai 113 orang (42.6%) dan 115 orang (43.4%). Bilangan responden dari semester ketiga dan kelima pula adalah masing-masing seramai 23 orang (8.7%), 14 orang (5.3%). Bilangan responden dari semester ketiga adalah sedikit kerana sebahagian besar di kalangan mereka sedang menjalani latihan industri selama enam bulan. Manakala responden dari semester kelima juga menunjukkan jumlah bilangan yang kecil kerana sebahagian daripada mereka telah tamat pengajian. Mereka yang terlibat dalam kajian ini adalah dikalangan mereka yang belum tamat pengajian atau mengulang semula kursus yang gagal.

4.2.4 Analisis Taburan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan

Bahagian ini adalah analisis bagi taburan responden berdasarkan keputusan peperiksaan Kursus Pendidikan Islam yang telah diikuti pada semester pertama.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 96 responden mendapat Gred A dalam Kursus Pendidikan Islam pada semester pertama, 35 orang mendapat Gred A-, 69 memperoleh Gred B+, 28 orang memperoleh Gred B, 13 orang mendapat Gred C+ dan 4 orang mendapat Gred C. Ini bermakna 100% responden yang menjawab soalan kajian ini lulus dalam Kursus Pendidikan Islam berdasarkan markah lulus untuk kursus ini iaitu Gred C dan ke atas. Walau bagaimanapun terdapat 5 responden tidak menyatakan gred yang diperolehi oleh mereka.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan Pendidikan Islam

Gred	Kekerapan	Peratus (%)
A	96	36.2
A-	35	13.2
B+	69	26.0
B	28	10.6
B-	15	5.7
C+	13	4.9
C	4	1.5
C-	-	-
D+	-	-
D	-	-
E	-	-
E-	-	-
F	-	-
Tidak dinyatakan	5	1.9
Jumlah	265	100.0

4.3 Pemahaman Asas Pendidikan Islam

Kajian terhadap tahap pemahaman asas pendidikan Islam di kalangan pelajar Politeknik Kota Melaka adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman asas pendidikan Islam di kalangan para pelajar berdasarkan jantina dan keputusan peperiksaan Kursus Pendidikan Islam. Sebanyak lima item dikemukakan kepada responden iaitu berkenaan dengan pemahaman terhadap maksud kalimah syahadah dan tuntutananya, boleh membezakan dengan jelas ibadat fardu dan ibadat sunat, boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar, boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid dan boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah (yang baik) dan akhlak mazmumah (yang buruk).

Jadual 4.5: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Bagi Pemahaman Asas Dalam Pendidikan Islam

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Memahami sepenuhnya maksud kalimah syahadah dan tuntutanannya.	4.50	0.622	Tinggi
Boleh membezakan dengan jelas ibadat fardu dan ibadat sunat.	4.46	0.577	Tinggi
Boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar.	3.94	0.884	Tinggi
Boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid.	3.50	0.784	Sederhana
Boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah (yang baik) dan akhlak mazmumah (yang buruk).	4.43	0.715	Tinggi
Purata Min Keseluruhan	4.17	0.7164	Tinggi

Dapatan kajian dalam Jadual 4.5 mengenai pemahaman asas Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.17). Ini bermakna, para pelajar yang mengikuti Kursus Pendidikan Islam di politeknik mempunyai pemahaman asas Pendidikan Islam yang baik hasil penerapan Kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik.

Dapatan kajian juga menunjukkan Kursus Pendidikan Islam yang diikuti memberikan kefahaman terhadap maksud kalimah syahadah dan tuntutanannya. Jadual 4.6 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina terhadap item *Memahami sepenuhnya kalimah syahadah dan tuntutanannya*. Jika dianggap tahap amat bersetuju dan bersetuju sebagai indikator bahawa responden memahami sepenuhnya maksud kalimah syahadah dan tuntutanannya, secara majoriti didapati bahawa 249 orang atau 93.9% (56.2% sangat bersetuju dan 37.7% bersetuju) pelajar memahami sepenuhnya maksud kalimah syahadah.

Jadual 4.6: Memahami Sepenuhnya Maksud Kalimah Syahadah dan Tuntutannya
(Mengikut Jantina)

Jantina	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Lelaki	62 (23.4)	43 (16.2)	7 (2.6)	1 (0.4)	-
Perempuan	87 (32.8)	57 (21.5)	8 (3.0)	-	-
Jumlah	149 (56.2)	100 (37.7)	15 (5.7)	1 (0.4)	-

Daripada jumlah tersebut, 105 orang adalah responden lelaki dan 144 orang adalah responden perempuan. Hanya seorang sahaja atau 0.4% yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu pemahaman sepenuhnya terhadap maksud kalimah syahadah danuntutannya manakala tiada yang menyatakan sangat tidak setuju. Ini bermaksud tiada responden yang langsung tidak memahami maksud kalimah syahadah danuntutannya.

Jadual 4.7: Memahami Sepenuhnya Maksud Kalimah Syahadah dan Tuntutannya
(Mengikut Keputusan Peperiksaan)

Keputusan Peperiksaan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Gred A hingga A-	81 (31.2)	45 (17.3)	5 (1.9)	-	-
Gred B+ hingga B-	63 (24.2)	40 (15.4)	9 (3.5)	-	-
Gred C+ hingga C	4 (1.5)	11 (4.2)	1 (0.4)	1 (0.4)	-
Jumlah	148 (56.9)	96 (36.9)	15 (5.8)	1 (0.4)	-

Berkaitan dengan kefahaman maksud kalimah syahadah danuntutannya berdasarkan keputusan peperiksaan, Jadual 4.7 menunjukkan 126 (48.5%) responden yang memperolehi keputusan antara gred A hingga A- memahami maksud kalimah syahadah dan

tuntutannya. Jadual tersebut juga menunjukkan 103 (39.6%) responden yang memperolehi antara gred B+ hingga B- menyatakan perkara yang sama. Manakala hanya 15 (5.7%) responden yang mendapat gred dari C+ hingga C menyatakan kefahaman mereka terhadap maksud kalimah syahadah dan tuntutananya.

Dapatan kajian terhadap item *Boleh membezakan ibadat fardu dan ibadat sunat*, maklumbalas yang positif diterima dimana majoriti responden iaitu 254 (95.9%) orang boleh membezakan dengan jelas ibadat fardu dan ibadat sunat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40.4% adalah terdiri daripada kalangan responden lelaki manakala 55.5% adalah daripada kalangan responden perempuan. Selebihnya adalah mereka yang menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 4.2% daripada keseluruhan responden.

Jadual 4.8: Boleh Membezakan Dengan Jelas Ibadat Fardu dan Ibadat Sunat (Mengikut Jantina)

Jantina	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Lelaki	58 (21.9)	49 (18.5)	6 (2.3)	-	-
Perempuan	76 (28.7)	71 (26.8)	5 (1.9)	-	-
Jumlah	134 (50.6)	120 (45.3)	11 (4.2)	-	-

Jika dilihat berdasarkan keputusan peperiksaan, analisis terhadap item tersebut menunjukkan sebahagian responden iaitu 50.0% yang dapat membezakan ibadat fardu dan ibadat sunat adalah terdiri daripada mereka yang memperolehi gred antara A hingga A-. Selain itu, 40.0% responden yang mendapat gred B+ hingga B- menyatakan tentang

perkara yang sama. Manakala hanya 5.3% sahaja yang mendapat gred C+ hingga C bersetuju terhadap perkara yang sama.

Jadual 4.9: Boleh Membezakan Dengan Jelas Ibadat Fardu dan Ibadat Sunat (Mengikut Keputusan Peperiksaan)

Keputusan Peperiksaan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Gred A hingga A-	78 (30.0)	52 (20.0)	1 (0.4)	-	-
Gred B+ hingga B-	50 (19.2)	54 (20.8)	8 (3.1)	-	-
Gred C+ hingga C	5 (1.5)	10 (3.8)	2 (0.8)	-	-
Jumlah	133 (51.2)	116 (44.6)	11 (4.2)	-	-

Dapatan kajian mendapati sebanyak 69 (27.0%) responden lelaki menyatakan mereka boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar. Responden perempuan pula sebanyak 118 (44.5%) orang menyatakan perkara yang sama. Dalam item *Boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar*, terdapat segelintir mereka yang kurang atau tidak boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar tetapi bilangan mereka adalah kecil. Didapati bahawa responden lelaki yang kurang mahir atau tidak boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar hanyalah sebanyak 3.0% dan responden perempuan sebanyak 1.5%. Peratusan ini tidak begitu membimbangkan berbanding dengan responden yang boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar secara keseluruhannya iaitu 71.5%.

Jadual 4.10: Boleh Membaca Tulisan Jawi Dengan Baik dan Lancar (Mengikut Jantina)

Jantina	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Lelaki	18 (6.8)	51 (19.2)	36 (13.6)	5 (1.9)	3 (1.1)
Perempuan	60 (22.6)	58 (21.9)	30 (11.3)	4 (1.5)	-
Jumlah	78 (29.4)	109 (41.1)	66 (24.9)	9 (3.4)	3 (1.1)

Analisis terhadap item yang sama mengikut keputusan peperiksaan menunjukkan pelajar yang memperoleh gred A hingga A- mewakili sebanyak 37.7%, gred B+ hingga B- sebanyak 30.4% dan gred C+ hingga C adalah 3.1%. Jadual 4.11 memperincikan jumlah kekerapan beserta peratus bagi setiap pernyataan.

Jadual 4.11: Boleh Membaca Tulisan Jawi Dengan Baik dan Lancar (Mengikut Keputusan Peperiksaan)

Keputusan Peperiksaan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Gred A hingga A-	47 (18.1)	51 (19.6)	26 (10.0)	6 (2.3)	1 (0.4)
Gred B+ hingga B-	29 (11.2)	50 (19.2)	32 (12.3)	1 (0.4)	-
Gred C+ hingga C	1 (0.4)	7 (2.7)	5 (1.9)	2 (0.8)	2 (0.8)
Jumlah	77 (29.6)	108 (41.5)	63 (24.2)	9 (3.5)	3 (1.2)

Kajian juga mendapati sebanyak 125 (50.9%) responden menyatakan bahawa mereka boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid. Daripada jumlah tersebut, 17.7% adalah responden lelaki dan 33.2% responden perempuan. Hanya 21 (7.9%)

responden yang menyatakan mereka lemah atau tidak boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid.

Jadual 4.12: Boleh Membaca al-Quran Dengan Lancar Mengikut Tajwid (Mengikut Jantina)

Jantina	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Lelaki	7 (2.6)	40 (15.1)	53 (20.0)	10 (3.8)	3 (1.1)
Perempuan	14 (5.3)	74 (27.9)	56 (21.1)	8 (3.0)	-
Jumlah	21 (7.9)	114 (43.0)	109 (41.1)	18 (6.8)	3 (1.1)

Dapatan kajian terhadap item *Boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid* berdasarkan keputusan peperiksaan, Jadual 4.13 menunjukkan 28.5% responden yang memperolehi keputusan antara gred A hingga A- boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid. Jadual tersebut juga menunjukkan 21.2% responden yang memperolehi antara gred B+ hingga B- menyatakan bahawa mereka boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid. Manakala hanya 1.2% responden yang mendapat gred dari C+ hingga C menyatakan boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid.

Peratus mereka yang lemah atau tidak boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid tidak menunjukkan angka yang besar. Hanya 3.9% daripada responden adalah mereka yang memperolehi gred A hingga A-, 2.7% yang memperolehi gred B+ hingga B- dan 1.6% yang memperolehi gred C+ hingga C.

Jadual 4.13: Boleh Membaca al-Quran Dengan Lancar Mengikut Tajwid (Mengikut Keputusan Peperiksaan)

Keputusan Peperiksaan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Gred A hingga A-	13 (5.0)	61 (23.5)	47 (18.1)	9 (3.5)	1 (0.4)
Gred B+ hingga B-	8 (3.1)	47 (18.1)	50 (19.2)	7 (2.7)	-
Gred C+ hingga C	-	3 (1.2)	10 (3.8)	2 (0.8)	2 (0.8)
Jumlah	21 (8.1)	111 (42.7)	107 (41.2)	18 (6.9)	3 (1.2)

Kajian ini turut mengemukakan persoalan tentang tahap pemahaman pelajar dalam membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Sebanyak 96 (36.2%) responden lelaki menyatakan mereka boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Manakala sebanyak 145 (54.7%) responden perempuan menyatakan perkara yang sama. Jadual 4.14 memperincikan berkaitan perkara tersebut mengikut jantina.

Jadual 4.14: Boleh Membezakan Dengan Jelas Antara Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah (Mengikut Jantina)

Jantina	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Lelaki	57 (21.5)	39 (14.7)	13 (4.9)	3 (1.1)	1 (0.4)
Perempuan	87 (32.8)	58 (21.9)	7 (2.6)	-	-
Jumlah	144 (54.3)	97 (36.6)	20 (7.5)	3 (1.1)	1 (0.4)

Analisis terhadap item *Boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah* mengikut keputusan peperiksaan menunjukkan responden yang

memperoleh gred A hingga A- mewakili sebanyak 47.3%, gred B+ hingga B- sebanyak 38.8% dan gred C+ hingga C adalah sebanyak 5.0%. Jadual 4.15 memperincikan jumlah kekerapan berserta peratus bagi item tersebut.

Jadual 4.15: Boleh Membezakan Dengan Jelas Antara Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah (Mengikut Keputusan Peperiksaan)

Keputusan Peperiksaan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Gred A hingga A-	78 (30.0)	45 (17.3)	8 (3.1)	-	-
Gred B+ hingga B-	58 (22.3)	43 (16.5)	9 (3.5)	2 (0.8)	-
Gred C+ hingga C	7 (2.7)	6 (2.3)	2 (0.8)	1 (0.4)	1 (0.4)
Jumlah	143 (55.0)	94 (36.2)	19 (7.3)	3 (1.2)	1 (0.4)

4.4 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar

Kajian terhadap pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar Politeknik Kota Melaka adalah bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kursus ini terhadap beberapa aspek cara hidup pelajar. Terdapat lima aspek yang dikemukakan dalam perkara ini iaitu pengaruh Kursus Pendidikan terhadap amalan beribadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibu bapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan.

4.4.1 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Amalan Beribadah

Dapatan kajian seperti dalam Jadual 4.16 mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap amalan beribadah berada pada tahap sederhana apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana (min=2.74). Malah min pada tahap rendah iaitu 2.28 turut didapati pada item *Saya membaca al-Quran setiap hari*. Ini bermakna, Kursus Pendidikan Islam yang diikuti oleh para pelajar di politeknik mempunyai pengaruh pada tahap sederhana sahaja terhadap aspek amalan beribadah mereka.

Jadual 4.16: Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Amalan Beribadah

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya sentiasa menunaikan solat ketika berada di politeknik.	2.88	1.082	Sederhana
Saya sentiasa menunaikan solat ketika berada di rumah/asrama.	3.35	1.060	Sederhana
Saya membaca al-Quran setiap hari.	2.28	0.742	Rendah
Saya sentiasa melakukan amalan sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan berzikir.	2.57	0.872	Sederhana
Saya sentiasa membaca ayat-ayat hafazan yang dipelajari di politeknik semasa solat dan membacanya sebagai amalan harian.	2.63	0.999	Sederhana
Purata Min Keseluruhan	2.74	0.951	Sederhana

Dapatan kajian juga menganalisis pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap amalan beribadah berdasarkan kekerapan dan peratus seperti dalam Jadual 4.17. Daripada jadual tersebut didapati keseluruhan dapatan menunjukkan respon yang positif terhadap pernyataan-pernyataan soal selidik yang diberikan. Didapati hanya 88 (19 sangat bersetuju dan 69 bersetuju) responden yang sentiasa menunaikan solat ketika berada di politeknik. Pernyataan tentang menunaikan solat ketika berada di rumah/ asrama pula menunjukkan

sebanyak 141 (34 sangat bersetuju dan 107 bersetuju) responden yang menyatakan bahawa mereka sentiasa melakukan solat di rumah/ asrama.

Jadual 4.17: Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Amalan Beribadah

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Amalan Beribadah	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Saya sentiasa menunaikan solat ketika berada di politeknik.	19 (7.2)	69 (26.0)	51 (19.2)	112 (42.3)	14 (5.3)
Saya sentiasa menunaikan solat ketika berada di rumah/asrama.	34 (12.8)	107 (40.4)	46 (17.4)	75 (28.3)	3 (1.1)
Saya membaca al-Quran setiap hari.	2 (0.8)	22 (8.3)	42 (15.8)	181 (68.3)	18 (6.8)
Saya sentiasa melakukan amalan sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan berzikir.	4 (1.5)	46 (17.4)	58 (21.9)	147 (55.5)	10 (3.8)
Saya sentiasa membaca ayat-ayat hafazan yang dipelajari di politeknik dalam amalan ibadat harian.	11 (4.2)	42 (15.8)	77 (29.1)	109 (41.1)	26 (9.8)

Bagi amalan sunat seperti membaca al-Quran, hanya 24 (2 sangat bersetuju dan 22 bersetuju) responden menyatakan bahawa mereka membaca al-Quran setiap hari. Manakala bagi amalan-amalan sunat yang lain seperti solat sunat, puasa sunat dan berzikir seramai 50 (4 sangat bersetuju dan 46 bersetuju) responden menyatakan mereka sentiasa melakukan amalan sunat tersebut. Manakala pernyataan berkaitan amalan membaca ayat-ayat hafazan yang dipelajari di politeknik dalam amalan ibadat harian, hanya 53 (11 sangat bersetuju dan 42 bersetuju) responden menyatakan mereka sentiasa mengamalkannya dalam ibadat harian.

Penulis juga turut menemubual beberapa orang responden untuk mengenal pasti tahap pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap amalan ibadat mereka. Berikut menunjukkan respon para pelajar tentang pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup mereka dalam aspek amalan beribadah:

“Amalan ibadah saya lebih baik sedikit berbanding di zaman sekolah dahulu kerana saya lebih faham mengenai hukum tentang ibadah hasil penerangan yang jelas dalam kelas oleh pensyarah, beliau juga sering mendorong saya agar menunaikan solat di surau” (R3)

“Saya kini dapat menjaga ibadat solat lima waktu dengan baik dan dapat melakukan ibadat sunat dengan lebih yakin” (R5)

“Saya lebih terdorong untuk melaksanakan solat secara penuh lima waktu setiap hari, namun kadang-kadang masih tertinggal beberapa waktu” (R6)

“Solat saya alhamdulillah semakin baik berbanding dahulu, namun masih belum cukup lima waktu terutama solat Subuh” (R9)

“Alhamdulillah saya tidak pernah tinggalkan solat wajib sejak dahulu, cuma solat sunat jarang dilakukan” (R11)

Hasil temubual yang dijalankan, data menunjukkan bahawa sebahagian pelajar bersetuju bahawa Kursus Pendidikan Islam mempengaruhi cara hidup mereka dalam aspek ibadat. Walau bagaimanapun, pengaruh tersebut berada pada tahap yang agak rendah.

Dalam temubual penulis dengan beberapa orang pensyarah mengenai cara hidup pelajar dalam aspek amalan ibadat, mereka sependapat mengatakan Kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik mempengaruhi cara hidup pelajar pada tahap yang agak rendah berbanding aspek-aspek lain. Menurut pensyarah Kursus Pendidikan Islam yang ditemubual Ustaz Mohd Nazim Bin Zakaria, masih ramai dikalangan pelajar yang tidak menunaikan solat fardu terutama semasa berada di politeknik. Perkara ini dimaklumkan oleh pelajar-pelajar semasa sesi pelaksanaan ujian asas fardu ain. Menurut beliau lagi, hanya segelintir pelajar yang menunaikan solat ketika berada di politeknik manakala yang lain-lainnya tidak menunaikan ibadat wajib ini secara sempurna iaitu genap lima waktu setiap hari.

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Ustazah Zuharyati Binti Yusof. Menurut beliau, ada sebilangan pelajar yang tidak cukup bilangan solat fardu terutama solat fardu Subuh. Maklumat ini diperolehi daripada pertanyaan lisan beliau kepada pelajar-pelajar sewaktu pelaksanaan ujian asas fardu ain. Antara alasan yang diberikan ialah kerana bangun lambat pada waktu pagi, tidak sempat untuk menunaikan solat Subuh dan malas untuk menunaikan solat Subuh. Walau bagaimanapun, solat fardu yang lain masih dilaksanakan oleh sebilangan daripada mereka.

Penulis turut melakukan pemerhatian terhadap cara hidup pelajar-pelajar ketika mereka berada di politeknik. Tinjauan penulis sewaktu berada surau politeknik pada waktu zohor mendapati bahawa bilangan pelajar yang solat berjamaah adalah dalam bilangan yang sedikit berbanding dengan jumlah keseluruhan pelajar yang terdapat di politeknik ini. Tidak dapat dipastikan sama ada mereka pulang sembahyang di asrama atau di surau dan masjid berdekatan memandangkan surau dan masjid berada pada kedudukan yang agak

jauh daripada politeknik ini. Begitu juga dengan jarak asrama yang juga berada agak jauh dan mengambil masa untuk pulang semata-mata ingin menunaikan solat zohor dan kemudiannya datang kembali ke politeknik untuk mengikuti kelas sejeurus selepas itu. Penulis membuat andaian bahawa hanya mereka yang hadir menunaikan solat di surau sahaja yang benar-benar mendirikan solat manakala yang lain tidak dapat dipastikan sama ada mereka menunaikan solat atau tidak.

4.4.2 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Cara Berpakaian

Jadual 4.18: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Bagi Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Cara Berpakaian

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik kerana ia adalah ajaran agama Islam.	4.56	0.678	Tinggi
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik kerana ia adalah peraturan politeknik.	4.25	1.055	Tinggi
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika mengikuti aktiviti kokurikulum.	4.31	0.823	Tinggi
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika keluar dengan rakan.	3.86	1.056	Tinggi
Saya memakai pakaian mengikut kesesuaian program walaupun ianya mendedahkan aurat.	2.51	1.332	Rendah
Purata Min Keseluruhan	3.90	0.988	Tinggi

Dapatan kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara berpakaian berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=3.90). Ini menunjukkan para pelajar mempunyai pengaruh yang tinggi pada hampir semua pernyataan yang dikemukakan kecuali pada item *Saya memakai pakaian*

mengikut kesesuaian program walaupun ianya mendedahkan aurat apabila skor min berada pada tahap sederhana (Jadual 4.18).

Jadual 4.19: Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Cara Berpakaian

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Cara Berpakaian	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik kerana ia adalah ajaran agama Islam.	171 (64.5)	78 (29.4)	10 (3.8)	6 (2.3)	-
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik kerana ia adalah peraturan politeknik.	144 (54.3)	76 (28.7)	26 (9.8)	6 (2.3)	13 (4.9)
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika mengikuti aktiviti kokurikulum.	130 (49.1)	99 (37.4)	25 (9.4)	10 (3.8)	1 (0.4)
Saya memakai pakaian yang menutup aurat ketika keluar bersiar-siar dengan rakan.	83 (31.3)	102 (38.5)	46 (17.4)	27 (10.2)	7 (2.6)
Saya memakai pakaian mengikut kesesuaian program walaupun ianya mendedahkan aurat.	21 (7.9)	45 (17.0)	76 (28.7)	30 (11.3)	93 (35.1)

Kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara berpakaian berdasarkan kekerapan dan peratus dapat dilihat seperti dalam Jadual 4.19. Jadual tersebut menunjukkan majoriti (93.9%) responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik kerana ia adalah ajaran agama Islam yang mesti dipatuhi. Begitu juga dengan pernyataan tentang memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik sebagai mematuhi peraturan politeknik

dengan 83.0% responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Didapati majoriti responden masih memakai pakaian yang menutup aurat apabila mengikuti aktiviti kokurikulum. Hal ini dapat dilihat pada item berkenaan iaitu sebanyak 86.5% responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan terhadap item tersebut.

Peratusan pemakaian pakaian responden yang menutup aurat didapati menurun pada item *Memakai pakaian yang menutup aurat ketika keluar bersiar-siar dengan rakan* apabila ia menunjukkan sebanyak 69.8% yang bersetuju dan sangat bersetuju terhadap item tersebut. Walau bagaimanapun, masih ramai di kalangan responden memakai pakaian yang menutup aurat ketika keluar menghadiri aktivi dan program bebas. Perkara ini dapat dilihat pada item *Memakai pakaian mengikut kesesuaian program walaupun ianya mendedahkan aurat* dengan seramai 123 (46.4%) responden tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan item tersebut.

Dalam temubual penulis dengan beberapa orang responden mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara berpakaian, berikut adalah respon para pelajar mengenai perkara tersebut:

“Dari segi pakaian, ada sedikit perubahan mengenai cara berpakaian saya, kini saya lebih memakai pakaian yang longgar dan sopan. Namun saya juga mengikuti perkembangan fesyen semasa” (R12)

“Cara pemakaian saya sama seperti dahulu, kadang-kadang saya pakai tudung dan kadang-kadang tidak, saya akan cuba meningkatkan cara pemakaian agar lebih menutup aurat namun memerlukan masa untuk ke arah itu” (R13)

“Saya telah memakai pakaian yang menutup aurat sejak di bangku sekolah lagi, jadi saya teruskan hingga kini” (R14)

“Saya masih kekal dengan cara pemakaian seperti sebelum memasuki politeknik kerana saya selesa dengan cara pemakaian seperti ini, walau bagaimanapun saya sentiasa menutup aurat apabila hadir ke kelas” (R15)

“Saya sering berpakaian secara sopan dan selalu menutup aurat apabila berada di luar rumah atau ketika bermain dan inilah cara saya sejak dahulu” (R16)

Daripada beberapa respon yang diberikan, didapati bahawa sebahagian pelajar bersetuju bahawa Kursus Pendidikan Islam mempengaruhi cara hidup mereka dalam aspek cara berpakaian pada tahap tinggi terutama ketika berada di politeknik. Namun terdapat segelintir para pelajar yang masih tidak berpakaian seperti yang dituntut oleh agama. Namun mereka sentiasa berusaha agar pemakaian mereka adalah selaras dengan tuntutan agama.

Dalam temubual dengan pensyarah kursus, Ustazah Zuharyati Binti Yusof berpendapat aspek pemakaian para pelajar terutama pelajar perempuan masih baik terutama ketika berada dalam kelas. Mereka memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat dan mengikut panduan pemakaian yang telah dikeluarkan oleh pihak politeknik. Namun aspek

pemakaian para pelajar perempuan terutama ketika di luar kuliah agak bebas berbanding ketika di bilik kuliah. Tambahan lagi pihak politeknik tidak mempunyai kuasa untuk menentukan cara berpakaian apabila berada di luar kampus. Jadi terdapat sebahagian daripada mereka yang tidak menutup aurat apabila tidak berada di dalam kampus. Ustazah Zuharyati berpendapat bahawa perkara ini memerlukan kerjasama dari semua pensyarah dalam menasihati para pelajar agar sentiasa menjaga adab berpakaian dalam Islam. Usaha para pensyarah Kursus Pendidikan Islam semata-mata tidak memadai untuk memastikan para pelajar mematuhi setiap ajaran agama setiap masa.

Berdasarkan pemerhatian penulis berkenaan dengan aspek pemakaian para pelajar ketika berada di politeknik, didapati majoriti di kalangan pelajar memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan. Hal ini selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh pihak politeknik dalam menetapkan etika berpakaian terhadap para pelajar. Walau bagaimanapun, cara pemakaian pelajar di luar politeknik tidak dapat dipastikan memandangkan penulis tidak membuat pemerhatian secara khusus tentang perkara ini.

4.4.3 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Ibu Bapa

Dapatan kajian dalam Jadual 4.20 mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan ibu bapa berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.53). Ini bermakna para pelajar mengamalkan pergaulan yang baik terhadap ibu bapa mereka dalam semua item yang dikemukakan.

Jadual 4.20: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Terhadap Pergaulan Dengan Ibu Bapa

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya patuh dan taat kepada kata-kata dan nasihat ibu dan bapa.	4.17	0.764	Tinggi
Saya hormat kepada kedua ibu dan bapa.	4.67	0.567	Tinggi
Saya mencium tangan ibu dan bapa ketika bersalam dengan mereka.	4.74	0.626	Tinggi
Saya sentiasa membantu ibu bapa dalam apa jua keadaan.	4.33	0.766	Tinggi
Saya sentiasa mendoakan kesejahteraan untuk kedua ibu bapa ketika berdoa.	4.71	0.566	Tinggi
Purata Min Keseluruhan	4.53	0.658	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.21 iaitu pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan ibu bapa berdasarkan kekerapan dan peratus, didapati keseluruhan dapatan menunjukkan pengaruh yang positif terhadap kesemua item. Majoriti responden (36.2% sangat bersetuju dan 47.9% bersetuju) menyatakan mereka patuh dan taat kepada kata-kata ibu dan bapa. Pada item *Hormat kepada kedua ibu dan bapa*, 96.6% responden (70.9% sangat bersetuju dan 25.7% bersetuju) menyatakan mereka berbuat demikian. Begitu juga pada item *Mencium tangan ibu dan bapa ketika bersalam* mencatatkan sebanyak 96.2% responden (81.9% sangat bersetuju dan 14.3% bersetuju) berbuat demikian. Selain itu, 88.7% responden (47.9% sangat bersetuju dan 40.8% bersetuju) menyatakan mereka sentiasa membantu ibu bapa dalam apa jua keadaan. Kajian juga menunjukkan 95.8% responden (75.8% sangat bersetuju dan 20.0% bersetuju) sentiasa mendoakan kesejahteraan untuk kedua ibu bapa ketika berdoa.

Jadual 4.21: Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Ibu Bapa

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Ibu Bapa	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Saya patuh dan taat kepada kata-kata dan nasihat ibu dan bapa.	96 (36.2)	127 (47.9)	34 (12.8)	8 (3.0)	-
Saya hormat kepada kedua ibu dan bapa.	188 (70.9)	68 (25.7)	7 (2.6)	2 (0.8)	-
Saya mencium tangan ibu dan bapa ketika bersalam dengan mereka.	217 (81.9)	38 (14.3)	3 (1.1)	6 (2.3)	1 (0.4)
Saya sentiasa membantu ibu bapa dalam apa jua keadaan.	127 (47.9)	108 (40.8)	21 (7.9)	9 (3.4)	-
Saya sentiasa mendoakan kesejahteraan untuk kedua ibu bapa ketika berdoa.	201 (75.8)	53 (20.0)	9 (3.4)	2 (0.8)	-

Antara respon para pelajar berkenaan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup mereka dalam pergaulan dengan ibu bapa ialah:

“Hubungan dengan ibu bapa menjadi semakin rapat dan mesra serta tahu bagaimana untuk menghormati ibu bapa dengan lebih mendalam lagi” (R5)

“Perhubungan saya dengan ibu bapa bertambah baik, sekali seminggu saya pasti akan pulang ke kampung untuk berjumpa dengan mereka” (R17)

“Saya lebih menghormati dan menyayangi ibu bapa sejak dahulu hingga kini, malah perasaan tersebut semakin kuat setelah memahami betapa besarnya pengorbanan mereka kepada kita” (R18)

“Sejak dahulu lagi saya tidak pernah lupa untuk mendoakan kepada kedua-dua ibu bapa saya walaupun kini saya berjauhan dengan mereka” (R19)

“Kasih sayang saya terhadap kedua-dua ibu bapa saya sentiasa tinggi, malah saya sentiasa berusaha agar tindakan dan kelakuan saya tidak melukakan hati mereka” (R20)

Berdasarkan beberapa respon yang diberikan, majoriti pelajar bersetuju bahawa Kursus Pendidikan Islam amat mempengaruhi cara hidup mereka dalam aspek pergaulan dengan ibu bapa. Walau bagaimanapun, pengaruh ini tidaklah wujud hanya setelah mengikuti kursus ini malah ia telah lahir sejak di alam persekolahan lagi. Kesenambungan isi kandungan kursus ini yang menitikberatkan aspek adab dan akhlak kepada kedua ibu bapa sejak dari semasa zaman persekolahan sehingga memasuki politeknik terus mempengaruhi hidup pelajar sepanjang hayat mereka.

4.4.4 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Pensyarah

Berdasarkan skala dalam Jadual 4.22, dapatan kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan pensyarah berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.12). Ini bermakna para pelajar mempunyai tahap pergaulan yang baik dengan pensyarah mereka jika dilihat pada min item-item pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan pensyarah.

Jadual 4.22: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Pensyarah

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memberi salam kepada pensyarah apabila bertemu.	4.11	0.883	Tinggi
Saya selalu bertegur sapa dengan pensyarah.	3.99	0.941	Tinggi
Saya menghormati pensyarah sebagai seorang guru.	4.54	0.627	Tinggi
Saya selalu menolong pensyarah jika diminta berbuat demikian.	4.26	0.766	Tinggi
Saya menghantar tugas yang diberikan oleh pensyarah tepat mengikut masanya.	3.72	0.916	Sederhana
Purata Min Keseluruhan	4.12	0.827	Tinggi

Manakala kajian berdasarkan kekerapan dan peratus terhadap item yang sama iaitu pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan pensyarah (Jadual 4.23), didapati keseluruhan dapatan menunjukkan pengaruh yang positif terhadap semua item yang dikemukakan. Item *Memberi salam kepada pensyarah apabila bertemu* mendapati 81.9% (36.6% sangat bersetuju dan 45.3% bersetuju) responden berbuat demikian. Manakala item *Selalu bertegur sapa dengan pensyarah* menunjukkan 78.1% (32.1% sangat bersetuju dan 46.0% bersetuju) responden berbuat demikian. Kajian juga mendapati 74.7% (60.4% sangat bersetuju dan 14.3% bersetuju) responden menyatakan mereka menghormati pensyarah sebagai seorang guru. Item *Selalu menolong pensyarah jika diminta berbuat demikian* juga menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 87.6% (41.9% sangat bersetuju dan 45.7% bersetuju) responden berbuat demikian. Walau bagaimanapun, item *Menghantar tugas yang diberikan oleh pensyarah tepat mengikut masanya* menunjukkan peratusan yang sederhana iaitu 59.3% (22.3% sangat bersetuju dan 37.0% bersetuju) responden yang berbuat demikian.

Jadual 4.23: Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Pensyarah

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Pensyarah	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Saya memberi salam kepada pensyarah apabila bertemu.	97 (36.6)	120 (45.3)	30 (11.3)	16 (6.0)	2 (0.8)
Saya selalu bertegur sapa dengan pensyarah.	85 (32.1)	122 (46.0)	31 (11.7)	25 (9.4)	2 (0.8)
Saya menghormati pensyarah sebagai seorang guru.	160 (60.4)	91 (14.3)	13 (4.9)	-	1 (0.4)
Saya selalu menolong pensyarah jika diminta berbuat demikian.	111 (41.9)	121 (45.7)	25 (9.4)	7 (2.6)	1 (0.4)
Saya menghantar tugas yang diberikan oleh pensyarah tepat mengikut masanya.	59 (22.3)	98 (37.0)	83 (31.3)	25 (9.4)	-

Antara respon para pelajar berkenaan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup mereka dalam aspek pergaulan dengan pensyarah ialah:

“Saya menghormati pensyarah saya umpama saya menghormati orang yang lebih berusia daripada saya malah mereka yang memberikan ilmu pengetahuan maka rasa hormat lebih kuat lagi” (R12)

“Saya amat menghormati para pensyarah yang mengajar saya kerana mereka telah banyak memberikan saya ilmu pengetahuan terutama berkaitan bidang yang saya ceburi sekarang ini” (R21)

“Saya amat menghormati para pensyarah yang mengajar saya dan amat menghargai setiap ilmu yang mereka ajarkan kepada saya” (R22)

“Saya menghormati pensyarah saya umpama saya menghormati ibu bapa saya kerana saya diajar sejak dahulu lagi agar menghormati orang yang lebih tua daripada kita” (R23)

“Saya sentiasa mendengar kata-kata serta nasihat yang diberikan oleh para pensyarah saya, malah saya sentiasa mengikut panduan yang mereka berikan kerana itulah cara untuk kita berjaya” (R24)

Daripada beberapa respon yang diberikan, dapatan temubual menunjukkan bahawa Kursus Pendidikan Islam telah mempengaruhi cara hidup mereka dalam aspek pergaulan dengan pensyarah pada tahap yang agak memuaskan. Perkara ini disokong oleh pengakuan daripada pensyarah yang ditemubual iaitu Ustaz Mohd Nazim Bin Zakaria bahawa pelajar amat menghormati beliau sebagai seorang pensyarah. Menurut beliau pelajar sering memberi salam kepada pensyarah apabila bertemu serta selalu bertegur sapa seperti bertanya khabar dan bertanyakan hal-hal semasa. Para pelajar juga senang untuk diajak membantu pensyarah seperti menolong membawa tugas dan lain-lain apabila disuruh.

Manakala berdasarkan pemerhatian penulis berkenaan dengan aspek pergaulan dengan pensyarah, penulis didapati hubungan pensyarah dan pelajar sesama jantina adalah lebih baik berbanding dengan berlainan jantina. Hal ini berkemungkinan wujudnya perasaan segan dan malu terutama di kalangan pelajar perempuan sewaktu bertemu dengan pensyarah lelaki. Ketika dalam sesi pembelajaran, para pelajar turut memberi perhatian terhadap pengajaran pensyarah. Namun sesi soal jawab agak kurang menggalakkan apabila pensyarah memberi peluang untuk bertanya diakhir sesi tersebut.

4.4.5 Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Rakan-rakan

Dapatan kajian dalam Jadual 4.24 mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan rakan-rakan berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=3.85). Ini bermakna para pelajar menunjukkan sikap yang baik terhadap pergaulan dengan rakan-rakan mereka terhadap item-item yang dikemukakan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa item yang menunjukkan skor nilai min yang sederhana iaitu pada kenyataan memberi salam kepada rakan apabila bertemu dan selalu menziarahi rakan-rakan ketika waktu cuti/musim perayaan.

Jadual 4.24: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Rakan-rakan

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya memberi salam kepada rakan apabila bertemu.	3.35	1.070	Sederhana
Saya selalu bertegur sapa dengan rakan-rakan.	4.41	0.686	Tinggi
Saya selalu menziarahi rakan-rakan ketika waktu cuti/musim perayaan.	3.50	1.070	Sederhana
Saya selalu membantu rakan-rakan apabila mereka memerlukan bantuan.	4.12	0.723	Tinggi
Saya selalu menasihati rakan-rakan apabila mereka melakukan kesilapan.	3.88	0.868	Tinggi
Purata Min Keseluruhan	3.85	0.883	Tinggi

Kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan rakan-rakan berdasarkan kekerapan dan peratus dapat dilihat dalam Jadual 4.25. Daripada jadual tersebut, didapati bahawa pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan rakan-rakan menunjukkan pengaruh yang positif kepada responden dalam beberapa item. Item *Selalu bertegur sapa dengan rakan-rakan* menunjukkan seramai 93.2% (50.2%

sangat bersetuju dan 43.0% bersetuju) responden berbuat demikian, item *Selalu membantu rakan-rakan apabila mereka memerlukan bantuan* pula mencatatkan 86.0% (29.4% sangat bersetuju dan 56.6% bersetuju) responden yang berbuat demikian dan sebanyak 71.4% (24.2% sangat bersetuju dan 47.2% bersetuju) responden menyatakan bahawa mereka selalu menasihati rakan-rakan yang melakukan kesalahan.

Jadual 4.25: Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Rakan-rakan

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pergaulan Dengan Rakan-rakan	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
Saya memberi salam kepada rakan apabila bertemu.	41 (15.5)	87 (32.8)	65 (24.5)	68 (25.7)	4 (1.5)
Saya selalu bertegur sapa dengan rakan-rakan.	133 (50.2)	114 (43.0)	12 (4.5)	6 (2.3)	-
Saya selalu menziarahi rakan-rakan ketika waktu cuti/musim perayaan.	51 (19.2)	94 (35.5)	61 (23.0)	55 (20.8)	4 (1.5)
Saya selalu membantu rakan-rakan apabila mereka memerlukan bantuan.	78 (29.4)	150 (56.6)	28 (10.6)	9 (3.4)	-
Saya selalu menasihati rakan-rakan apabila mereka melakukan kesalahan.	64 (24.2)	125 (47.2)	55 (20.8)	21 (7.9)	-

Manakala peratusan yang sederhana dapat dilihat pada beberapa item lain. Antaranya item *Memberi salam kepada rakan apabila bertemu* yang mencatatkan 48.3% (15.5% sangat bersetuju dan 32.8% bersetuju) responden yang berbuat demikian berbanding dengan 27.2% (25.7% tidak bersetuju dan 1.5% sangat tidak bersetuju) responden yang tidak pernah atau jarang berbuat demikian. Manakala item *Selalu menziarahi rakan-rakan ketika waktu cuti/musim perayaan* pula menunjukkan sebanyak

54.7% (19.2% sangat bersetuju dan 35.5% bersetuju) responden berbuat demikian berbanding dengan 22.3% (20.8% tidak bersetuju dan 1.5% sangat tidak bersetuju) responden yang tidak pernah atau jarang berbuat demikian.

Temubual dengan para pelajar turut diadakan untuk mengenal pasti pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup mereka dalam pergaulan dengan rakan-rakan. Berikut adalah antara respon daripada sesi temubual tersebut:

“Pergaulan saya dengan rakan-rakan menjadi lebih akrab dan mesra, tambahan pula kami sering bertemu dalam kelas dan berbincang mengenai pelajaran bersama-sama” (R1)

“Saya menghormati semua kenalan saya tanpa mengira siapa mereka kerana kita diajar supaya menghormati saudara kita baik sesama Islam atau bukan Islam dan inilah yang saya pelajari sejak sekolah menengah lagi” (R14)

“Saya menghormati rakan-rakan saya terutama yang sekelas dengan saya serta hubungan saya dengan mereka semakin akrab, kadang-kadang ada juga saya bergurau dengan mereka agar hubungan sesama kami lebih mesra lagi” (R25)

“Saya lebih banyak untuk cuba memahami sikap rakan-rakan saya dan banyak bertolak ansur dengan rakan-rakan agar saya tidak menyakiti hati mereka” (R26)

“Setelah memasuki politeknik, saya dapat mengenali ramai rakan yang baru, dengan ini saya dapat menambah lagi kenalan saya dan dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dengan mereka” (R27)

Berdasarkan beberapa respon yang diberikan, dapatan temubual menunjukkan bahawa Kursus Pendidikan Islam telah mempengaruhi cara hidup mereka dalam aspek pergaulan dengan rakan-rakan. Pemerhatian penulis terhadap perkara ini mendapati bahawa pergaulan dan perhubungan antara pelajar adalah baik. Penulis mendapati mereka sering mengadakan sesi perbincangan di ruang perbincangan yang disediakan. Semasa aktiviti di luar bilik kuliah, penulis dapati mereka bekerjasama antara satu sama lain semasa menjalankan sesuatu aktiviti terutama sewaktu menjalankan tugas amali. Namun penulis dapati amalan memberi salam agak kurang diamalkan terutama apabila mereka bertemu antara satu sama lain sebaliknya mereka lebih senang bertegur sapa tanpa memulakannya dengan salam.

4.5 Kesimpulan

Dapatan kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar dalam aspek-aspek yang telah dinyatakan adalah dianalisis daripada persepsi pelajar berdasarkan soal selidik, temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan dan bukannya berdasarkan gelagat atau tingkah laku yang sebenar setelah mereka mengikuti kursus ini. Hal ini kerana amat sukar sekali untuk mengukur cara hidup seorang manusia terutama berkaitan aspek-aspek peribadi seseorang dalam aktiviti yang dilakukan seharian.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat mengenal pasti tahap pemahaman asas pendidikan Islam di kalangan pelajar Politeknik Kota Melaka. Kajian ini juga telah dapat mengenal pasti pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar dalam aspek ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan.

Dapatan kajian berkaitan tahap pemahaman asas pendidikan Islam menunjukkan responden memiliki pemahaman yang tinggi dalam pendidikan Islam. Namun terdapat beberapa perkara yang masih menunjukkan peratusan yang rendah iaitu membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar dan membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid.

Kajian ini juga mendapati adanya pengaruh yang positif terhadap beberapa aspek cara hidup di kalangan responden setelah mengikuti Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan hasil dapatan temubual yang telah dijalankan terhadap beberapa orang responden. Namun begitu, masih terdapat beberapa aspek cara hidup yang menunjukkan tahap peratusan yang sederhana dan rendah. Dapatan daripada kertas soal selidik mendapati aspek amalan beribadah berada pada tahap yang agak rendah berbanding aspek-aspek lain. Perkara ini perlu diberi perhatian serius memandangkan ibadah merupakan antara tonggak utama dalam agama Islam selain akidah dan akhlak.

Daripada temubual yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik telah mempengaruhi hidup mereka pada tahap sederhana. Ini kerana Kursus Pendidikan Islam telah dipelajari oleh responden sejak dari sekolah rendah lagi. Jadi pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup mereka telah

wujud sejak mereka mula didedahkan dengan asas-asas ilmu pengetahuan agama Islam secara formal di sekolah rendah. Pengaruh ini terus wujud secara beransur-ansur seiring dengan peningkatan usia mereka. Malah ianya semakin meningkat hasil pembelajaran yang berterusan di peringkat politeknik. Namun terdapat beberapa responden yang menyatakan bahawa Kursus Pendidikan Islam di politeknik tidak banyak mempengaruhi hidup mereka kerana pengaruh tersebut sudah ada sebelum mereka memasuki politeknik lagi. Namun mereka akui bahawa kursus ini dapat menambahkan lagi ilmu berkaitan pengetahuan agama Islam.

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap empat aspek yang dikaji dalam kajian ini iaitu aspek amalan ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan, semua aspek tersebut menunjukkan situasi yang baik kecuali aspek ibadat. Hal ini dapat diperhatikan ketika aktiviti solat berjemaah pada hari kuliah apabila bilangan pelajar yang menunaikan solat berjemaah lebih kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan pelajar yang terdapat di politeknik ini. Dalam aspek cara berpakaian, majoriti di kalangan pelajar memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan. Manakala aspek pergaulan dengan pensyarah, penulis didapati hubungan pensyarah dan pelajar sesama jantina adalah lebih baik berbanding dengan berlainan jantina. Pemerhatian penulis terhadap pergaulan antara pelajar adalah baik. Penulis mendapati mereka sering mengadakan sesi perbincangan dan bekerjasama antara satu sama lain semasa menjalankan sesuatu aktiviti terutama sewaktu menjalankan tugas amali

Walaupun pelaksanaan kursus ini secara keseluruhannya mempengaruhi hidup mereka pada tahap sederhana, ianya amat membantu dalam mendidik dan membentuk sikap serta akhlak yang baik dalam amalan para pelajar seharian. Malah pelaksanaan kursus ini

juga dapat menambahkan kefahaman mereka tentang agama Islam memandangkan isi kandungan yang mereka pelajari mempunyai kesinambungan dengan apa yang telah mereka belajar di sekolah dahulu. Jika pelaksanaan kursus ini tidak dijalankan di peringkat politeknik, tidak mustahil pengaruh yang telah ada hasil pendidikan awal akan mulai luntur dalam jiwa mereka.

Di samping itu, para pelajar turut memberikan beberapa cadangan terutama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bagi menambah baik lagi pelaksanaan kursus ini. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka ialah:

1. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran perlu dilengkapi dengan bahan bantu mengajar yang pelbagai seperti tayangan video, aktiviti berkumpulan, projek dan lain-lain bagi menambah minat pelajar terhadap kursus ini.
2. Aktiviti luar seperti lawatan, khidmat masyarakat, kem ibadah dan lain-lain perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali untuk satu semester agar pelajar berasa seronok mengikuti kursus ini.
3. Mengadakan aktiviti-aktiviti seperti tilawah al-Quran, pertandingan nasyid, kuiz dan sebagainya dengan lebih kerap agar pelajar mempunyai ruang untuk melibatkan diri secara aktif.
4. Pensyarah perlu mengajar sesuatu topik sehingga pelajar benar-benar faham sebelum berpindah ke topik seterusnya kerana kefahaman terhadap topik lebih penting daripada matlamat untuk menghabiskan sukatan kursus.

5. Mewujudkan kelas tambahan khas untuk pelajar-pelajar yang lemah dalam membaca al-Quran kerana waktu dalam kelas tidak mencukupi untuk pelajar mempelajari semua topik dalam masa yang singkat.

6. Memperbanyakkan aktiviti amali terhadap topik-topik yang memerlukan amali supaya pelajar lebih faham dan bertambah yakin untuk melaksanakan sesuatu ibadat dalam kehidupan seharian.

Cadangan-cadangan tersebut perlu diberi perhatian oleh para pensyarah dan mereka yang terlibat dalam melaksanakan kursus ini memandangkan ianya adalah lahir daripada para pelajar sendiri. Peningkatan aspek pengajaran dan pembelajaran perlu dititikberatkan terutama pada aspek penyediaan bahan bantu mengajar agar ianya sesuai dengan keadaan semasa dan dunia hari ini ini. Pembelajaran yang menggunakan kaedah tradisional perlu diubah suai mengikut format dan panduan terkini yang berpusatkan pelajar agar objektif yang telah digariskan dalam kurikulum kursus ini mampu dicapai. Selain itu, amalan dan penghayatan terhadap cara hidup Islam dapat ditingkatkan lagi agar seluruh cara hidup pelajar dan umat Islam umumnya adalah berpaksikan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.